

06 OCT 1997

Mahathir-Jepun

DR MAHATHIR ALU-ALUKAN IKRAR JEPUN UNTUK BANTU ASEAN

SUBANG, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengalu-alukan ikrar Jepun untuk membantu mengatasi masalah defisit akaun semasa negara-negara Asean.

Katanya bukan Malaysia sahaja mengalami keperitan daripada krisis mata wang dan pasaran saham, tetapi rakan-rakannya dalam Asean seperti Indonesia, Filipina dan Thailand, turut terjejas dengan teruk.

Ekoran serangan spekulatif terhadap mata wang Asean bermula dengan baht Thailand, tiga mata wang lain -- ringgit, rupiah dan peso -- juga susut nilai dengan ketara berbanding mata wang utama lain, menjadikan import mereka semakin mahal.

Jepun dijangka memberikan butir terperinci mengenai ikrarnya untuk membantu Asean pada Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) yang akan diadakan di Kuala Lumpur minggu depan.

Jepun telah menawarkan langkah-langkah untuk meningkatkan importnya dari negara-negara Asean melalui kaedah menginsuranskan urus niaga perdagangan rantau ini dengan firma-firma Jepun.

Menurut laporan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun Mitsuo Horiuchi akan mencadangkan supaya jaminan hutang di bawah insurans perdagangan kementeriannya bukan sahaja boleh diguna pakai bagi syarikat-syarikat Jepun tetapi juga rakan-rakan kongsi tempatan mereka dalam projek-projek usaha sama.

Di bawah skim yang dicadangkan itu, Jepun akan menjamin pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh firma-firma Asean dan syarikat-syarikat Jepun berhak menuntut jaminan hutang tersebut. -- BERNAMA

MR SIA NMO